

CNS9450

U GB 25-04 00129 BA698

bah

Mahathir - EAEC

MALAYSIA TIDAK AKAN BERUNDUR DENGAN CADANGAN EAEC

LANGKAWI, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan berundur daripada cadangannya agar diwujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan akan terus berusaha mengatasi segala halangan ke arah penubuhannya.

Perdana Menteri berkata, EAEC pernah menghadapi halangan Amerika Syarikat semasa ia di bawah pemerintahan Presiden George Bush tetapi kini "saya tidak tahu apa lagi yang boleh menjadi penghalang".

"Kita berharap semua orang akan bersetuju," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas kemungkinan pentadbiran Presiden Bill Clinton menerima cadangan itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bagaimanapun akan terus berusaha memberi penjelasan mengenai EAEC supaya semua keraguan mengenainya dapat diatasi.

-- Lagi

▼25/04/18-08MST

U GB 25-04 00147 BA699

bah

Mahathir - EAEC 2 (Akhir) Langkawi

Sambil berharap EAEC dapat diwujudkan segera, beliau berkata Malaysia tidak akan berganjak dengan usahanya itu walaupun ia mungkin mengambil masa sehingga 15 tahun.

Mengenai pergolakan politik di Pakistan berikutan pemecatan Nawaz Shariff sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berharap pergolakan politik di negara itu dapat diselesaikan sama ada melalui mahkamah atau pilihan raya.

Ketika ditanya mengenai cadangan PEMADAM untuk mengemukakan kertas laporan kepada kabinet bagi mengatasi "sedikit kelonggaran" yang terdapat dalam Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, Dr Mahathir berkata kabinet akan mengkaji kertas itu selepas ia dikemukakan.

"Kita belum dapat, kita tak tahulah apa keadaan sebenar", katanya.

PEMADAM telah meminta kerajaan mengkaji semula undang-undang itu kerana terdapat orang yang disyaki pengedar dan dituduh mengikut seksyen itu, terlepas daripada hukuman semata-mata atas alasan "teknikal". -- Bernama

KHY AHH MIB

▼25/04/18-08MST